



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2)

DR.02/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk pengubahan sempadan-sempadan Negeri Sabah, dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Bahagian I dan II hendaklah mula berkuatkuasa pada 16hb April 1984.

(3) Bahagian III hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Bahagian itu.

BAHAGIAN I

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

2. (1) Sempadan-sempadan Negeri Sabah adalah dengan ini diubah dengan mengeluarkan darinya Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana diperihalkan di bawah ini.

Pengubahan
sempadan-
sempadan
bagi Negeri
Sabah.

(2) Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah mengandungi kawasan yang disempadankan dengan garisan sempadan yang menghubungkan titik-titik yang mana koordinatnya ialah—

U05° 26.'5	U05° 09.'9
T115° 15.'8	T115° 05.'1

U05° 25.'5	U05° 12.'1
T115° 17.'3	T115° 04.'1

U05° 22.'0	U05° 13.'9
T115° 20.'0	T115° 04.'1

U05° 12.'8	U05° 15.'5
T115° 20.'0	T115° 04.'5

U05° 11.'9	U05° 22.'5
T115° 15.'3	T115° 08.'9

U05° 08.'6	U05° 25.'3
T115° 10.'1	T115° 11.'7

U05° 08.'2	U05° 26.'0
T115° 08.'6	T115° 12.'4

U05° 08.'8	U05° 26.'5
T115° 06.'3	T115° 13.'9

dan sebagaimana ditunjukkan dalam peta yang dikenali dengan Rujukan No. DPNM. 10.22 (56)—

- (a) yang disediakan oleh Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia;
- (b) yang ditarikh dan diperakui sebagai suatu peta yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia, dan Pengarah Tanah dan Ukur, Sabah; dan
- (c) yang difaillkan di pejabat Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia.

(3) Sempadan-sempadan dan kawasan Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana ditunjukkan dalam peta yang tersebut dalam subseksyen (2) hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai sempadan-sempadan dan kawasan Wilayah Persekutuan Labuan itu.

3. Kawasan yang tersebut dalam seksyen 2 hendaklah Yang Dipertua Negeri dan Dewan Undangan Negeri Sabah dan Negeri Sabah hendaklah melepaskan dan terhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan ke atas kawasan itu dan segala kuasa dan bidang kuasa Yang Dipertua Negeri dan Dewan Undangan Negeri Sabah dalam atau berkenaan dengan kawasaan itu hendaklah berakhir.

Terkeluarnya
Wilayah
Persekutuan
Labuan
dari
Sabah dan
pelepasan
kuasa-
kuasa, dsb.
oleh Sabah

4. Persekutuan hendaklah menjalankan kedaulatan ke atas Wilayah Persekutuan Labuan tersebut dan segala kuasa dan bidang kuasa dalam atau berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan itu hendaklah terletak-hak pada Persekutuan.

Bidang
kuasa ke
atas
Wilayah
Persekutuan
Labuan.

5. (1) Seluruh harta dan kawalan mengenai semua tanah dalam kawasan yang tersebut dalam seksyen 2 yang sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa telah terletak-hak pada Negeri Sabah atau pada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam bagi pihaknya, dan segala mineral dan bahan batu di dalam atau di atas mana-mana tanah di dalam kawasan tersebut yang hak-hak ke atasnya belum lagi dilupuskan secara tertentu hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, tanpa apa-apa pindahmilik atau pindahhak, terletak-hak semata-mata pada Persekutuan dan boleh dilupuskan atau dibuat apa-apa urusan mengenainya mengikut Ordinan Tanah Sabah, Ordinan Lombong Sabah 1960 dan Enakmen Hutan Sabah 1968.

Perletakkan tanah di dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Segala harta dan kepentingan mengenai apa-apa tanah, hak melombong dan hak hutan di dalam kawasan yang tersebut dalam seksyen 2 yang dipegang dari Negeri Sabah oleh mana-mana orang sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah terus dipegang dari Kerajaan Persekutuan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti ianya telah dipegang dari Negeri Sabah.

Sabah
Bab 68.
Ord. Sabah
20/60.
En. Sabah
2/68.

6. (1) Segala undang-undang bertulis, termasuk undang-undang yang dinyatakan dalam seksyen 5 dan 8, selain dari Perlembagaan Negeri Sabah, yang sedia ada dan berkuatkuasa di dalam kawasan yang tersebut dalam seksyen 2 sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa

Penerusan undang-undang yang dsb., yang sedia ada.

hendaklah terus berkuatkuasa di dalam Wilayah Persekutuan Labuan sehingga dimansuhkan, dipinda atau digantikan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

(2) Jika apa-apa kuasa atau fungsi adalah diletakhak pada Yang Dipertua Negeri bagi Negeri Sabah atau pada mana-mana pihak berkuasa Negeri itu menurut mana-mana undang-undang yang tersebut dalam subseksyen (1), maka kuasa atau fungsi itu berhubungan dengan Wilayah Persekutuan Labuan bolehlah dijalankan atau dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara yang berkaitan atau oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa lain sebagaimana diarahkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong:

Dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, boleh melalui perintah mengarahkan bahawa mana-mana kuasa atau fungsi itu boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihak Kerajaan Persekutuan oleh pihak berkuasa Negeri yang padanya kuasa, atau fungsi itu telah diletakhak sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa; dan semasa arahan itu masih berkuatkuasa, pihak berkuasa bagi Negeri itu hendaklah, berkenaan dengan perjalanan atau pelaksanaan kuasa atau fungsi itu, disifatkan sebagai suatu pihak berkuasa bagi Kerajaan Persekutuan.

(3) Yang di-Pertuan Agong, apabila jua didapati oleh Yang di-Pertuan Agong perlu atau bermanfaat berbuat demikian sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan-kesulitan atau oleh sebab lulusnya Akta ini, boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang tersebut dalam subseksyen (1) sebagaimana difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perluasan
per-
undangan
yang
berkuat-
kuasa di
Malaysia
Barat.

7. Apabila Akta ini mula berkuatkuasa, apa-apa undang-undang persekutuan yang hanya berkuatkuasa di Malaysia Barat atau mana-mana bahagiannya boleh, melalui perintah Yang di-Pertuan Agong, diperluaskan kepada Wilayah Persekutuan Labuan dengan ubahsuaian atau tanpa ubahsuaian dan mana-mana perintah

sedemikian boleh membuat peruntukan mengenai pemansuhan mana-mana undang-undang bertulis dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan itu.

8. Apabila Akta ini mula berkuatkuasa—

Penerusan kerajaan tempatan dan peruntukan kastam.

Ord. Sabah 11/61.

(a) perbandaran Labuan, setakat yang berkenaan dengan kerajaan tempatan, hendaklah terus berfungsi sebagai suatu perbandaran sedemikian di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah 1961;

(b) Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah terus dikawal oleh Bahagian XVIII Akta Kastam 1967 dan terus tertakluk kepada Akta tersebut.

Akta 235.

9. (1) Segala hak, liability dan obligasi yang sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa telah menjadi hak, liability dan obligasi Kerajaan Negeri Sabah berkenaan dengan kawasan yang tersebut dalam seksyen 2, hendaklah apabila Akta ini mula berkuatkuasa, turun kepada Persekutuan, kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (2) atau melainkan jika dipersetujui selainnya antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu.

Pewarisan hak, liability dan obligasi.

(2) Bagi maksud seksyen 4 Akta Kemajuan Petroliaam 1974, Negeri Sabah hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan sebutan mengenai Negeri Sabah dalam apa-apa perjanjian yang dibuat sebelum atau selepas Akta ini mula berkuatkuasa menurut seksyen 4 tersebut hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Akta 144.

(3) Jika apa-apa wang yang dikehendaki dibayar menurut apa-apa liability atau obligasi sebagaimana tersebut dalam subseksyen (1) telah sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri Sabah, maka, setakat mana liability atau obligasi itu turun kepada Persekutuan apabila Akta ini mula berkuatkuasa, wang-wang yang dikehendaki bagi membayarnya hendaklah menjadi suatu tanggungan kepada Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan, tetapi setakat mana liability atau obligasi itu terus menjadi tanggungjawab Negeri Sabah ia hendaklah terus dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu.

(4) Peguam Negara hendaklah atas permohonan mana-mana pihak yang ada kepentingan dalam apa-apa prosiding undang-undang, selain dari prosiding antara Persekutuan dan Negeri Sabah, memperakui sama ada, menurut seksyen ini, apa-apa hak, liabiliti atau obligasi adalah suatu hak, liabiliti atau obligasi Persekutuan atau Negeri itu; dan sesuatu perakuan itu adalah bagi maksud-maksud prosiding itu muktamad dan mengikati semua mahkamah, tetapi perakuan itu tidaklah berkuatkuasa menjejaskan hak-hak dan obligasi-obligasi Persekutuan dan Negeri itu di antara sesama-nya sendiri.

Pewarisan
prosiding
sivil.

10. (1) Dalam apa-apa prosiding undang-undang berhubungan dengan perkara-perkara sivil yang belum selesai apabila Akta ini mula berkuatkuasa, maka hendaklah dibuat apa-apa penggantian bagi suatu pihak dengan suatu pihak yang lain sebagaimana perlu memandangkan kepada apa-apa pemindahan pada hari itu mengenai bidang kuasa atau kuasa eksekutif atau kepada apa-apa pemindahan di bawah Akta ini mengenai hak, liabiliti atau obligasi.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa pada atau selepas Akta ini mula berkuatkuasa terhadap sesuatu keputusan yang diberi dalam apa-apa prosiding undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap pihak yang, menurut subseksyen (1), sepatutnya menjadi pihak merayu atau responden jika prosiding itu diteruskan selepas hari tersebut, tetapi jika rayuan itu tidak dibawa sedemikian, subseksyen (1) hendaklah dipakai baginya sebagaimana ianya dipakai bagi prosiding-prosiding yang belum selesai pada hari itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah dipakai dengan ubah-suaian-ubahsuaian yang perlu bagi prosiding-prosiding untuk mendapatkan kebenaran merayu sebagaimana ianya dipakai bagi sesuatu rayuan.

(4) Peguam Negara hendaklah, atas permohonan suatu pihak dalam apa-apa prosiding, memperakui sama ada apa-apa penggantian hendak dibuat bagi suatu pihak dengan suatu pihak yang lain, dan jika ada,

apakah penggantian yang hendak dibuat, menurut subseksyen (1) hingga (3) mengenai prosiding tersebut atau bagi maksud apa-apa rayuan yang timbul darinya; dan bagi maksud-maksud prosiding itu atau apa-apa rayuan sedemikian, sesuatu perakuan sedemikian adalah muktamad dan mengikati semua mahkamah, tetapi perakuan itu tidaklah berkuatkuasa menjejaskan hak-hak dan obligasi-obligasi Persekutuan dan Negeri itu di antara sesamanya sendiri.

BAHAGIAN II

PINDAAN DAN PEMAKAIAN PERUNTUKAN- PERUNTUKAN TERTENTU DALAM PERLEMBAGAAN BERKENAAN DENGAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

11. Perkara 1 Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan Fasal (4) dengan Fasal baru (4) yang berikut :

Pindaan
Perkara 1.

“(4) Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan wilayah bagi Negeri Sabah tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, dan kedua-dua Wilayah Persekutuan tersebut hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.”

Akta A206.

Akta A

12. Perkara 42 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 42.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan” dalam Fasal (1), (2) dan (10) dengan perkataan-perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai suatu Negeri” dalam Fasal (3) dengan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah masing-masing dianggap sebagai suatu Negeri.”; dan

(c) dengan menggantikan Fasal (11) dengan Fasal baru (11) yang berikut:

“(11) Bagi maksud Perkara ini, maka hendaklah ditubuhkan hanya satu Jemaah Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan dan peruntukan-peruntukan Fasal (5), (6), (7), (8) dan (9) hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi Jemaah Pengampunan di bawah Fasal ini kecuali bahawa sebutan mengenai “Raja atau Yang Dipertua Negeri” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan sebutan mengenai “Ketua Menteri Negeri itu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.”

Pindaan
Perkara 45.

13. Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (aa) Fasal (1) dengan perenggan baru (aa) yang berikut:

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan”.

Pindaan
Perkara 46.

14. Perkara 46 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tujuh puluh enam” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “tujuh puluh tujuh”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dalam Fasal (2) dengan perenggan baru (b) yang berikut:

“(b) lapan orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan seperti berikut—

(i) tujuh orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

(ii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Labuan.”.

15. (1) Perkara 113 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Negeri itu" dalam Fasal (6) perkataan-perkataan "dan ungkapan "Negeri-Negeri Tanah Melayu" hendaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan".

Pindaan
Perkara
113 dan
peruntukan-
peruntukan
ber-
hubungan
dengan
bahagian
pilihanraya.

(2) Apabila Akta ini mula berkuatkuasa, kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada bahagian pilihanraya Negeri:

Bagaimanapun dengan syarat bahawa sehingga Dewan Undangan bagi Negeri Sabah dibubarkan selepas Akta ini mula berkuatkuasa, ahli Dewan itu yang dipilih dari bahagian pilihanraya tersebut hendaklah, walau pun kawasan itu dikeluarkan dari bahagian pilihanraya tersebut, terus menjadi ahli Dewan tersebut.

(3) Sehingga Parlimen dibubarkan selepas Akta ini mula berkuatkuasa, bahagian pilihanraya persekutuan yang meliputi kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah terus wujud dan ahli yang dipilih dari bahagian pilihanraya tersebut hendaklah terus menjadi ahli Parlimen.

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam Bahagian VIII Perlembagaan, ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan yang sedang dijalankan pada masa Akta ini mula berkuatkuasa berhubungan dengan Negeri Sabah hendaklah memperuntukkan—

(a) tanpa menjejaskan jumlah bilangan bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan bagi Negeri Sabah di bawah Fasal (2) (a) (x) Perkara 46 Perlembagaan, bagi suatu bahagian pilihanraya persekutuan untuk Wilayah Persekutuan Labuan mengikut peruntukan-peruntukan Fasal (2) (b) (ii) Perkara 46 Perlembagaan, dan ulangkajian itu boleh membuat apa-apa persemipadanan bagi bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dari Negeri Sabah sebagaimana difikirkan perlu; dan

(b) supaya kawasan Wilayah Persekutuan Labuan terhenti menjadi suatu bahagian pilihanraya Negeri bagi Negeri Sabah, dan ulangkajian itu hendaklah, walau bagaimanapun, memperuntukkan supaya bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri sama bilangannya dengan ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan Negeri Sabah di bawah Perlembagaan Negeri.

Pemakaian
Perkara
121 dan
161B bagi
Wilayah
Per-
sekutuan
Labuan.

16. (1) Mahkamah Tinggi di Borneo yang ditubuhkan di bawah Fasal (1) (b) Perkara 121 Perlembagaan hendaklah, sehingga sesuatu masa sebagaimana diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, mempunyai bidang kuasa dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Walau apa pun peruntukan Perkara 161B Perlembagaan, mana-mana orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan sesuatu mahkamah di Negeri-Negeri Tanah Melayu atau di Negeri Sabah adalah berhak untuk menjalankan amalan di hadapan Mahkamah Tinggi di Tanah Melayu atau Mahkamah Tinggi di Borneo, atau di hadapan Mahkamah Persekutuan, di mana jua ia bersidang, dalam apa-apa prosiding berhubungan dengan sesuatu perkara yang berbangkit dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Pemakaian
Perkara
161 bagi
Wilayah
Per-
sekutuan
Labuan.

17. Fasal (5) Perkara 161 Perlembagaan, setakat mana ianya berhubungan dengan penggunaan bahasa bumiputera di mahkamah adat atau bagi apa-apa kanun undang-undang dan adat anak watan, hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan dengan cara yang sama seperti ianya terpakai dalam Negeri Sabah.

Pemakaian
Perkara
161A bagi
Wilayah
Per-
sekutuan
Labuan.

18. (1) Sebutan mengenai "Sabah" dalam Fasal (6) (b) Perkara 161A Perlembagaan hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Perkara 89 Perlembagaan tidaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Perkara 8 Perlembagaan tidaklah menjadikan tak sah atau melarang apa-apa peruntukan undang-undang persekutuan bagi merizabkan tanah untuk bumiputera dalam Wilayah

Persekutuan Labuan atau bagi memberimilikan kepada mereka, atau bagi memberi kepada mereka layanan keutamaan berkenaan dengan pemberimilikan tanah dalam Wilayah Persekutuan Labuan oleh Persekutuan.

19. Walau apa pun yang terkandung dalam Perkara 161E Perlembagaan, bagi maksud-maksud seksyen 66 dan 71 Akta Imigresen 1959/63, seseorang yang sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa merupakan seorang dari Negeri Sabah dalam erti seksyen itu dan bermastautin di Wilayah Persekutuan Labuan selepas Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah terus berhak memasuki, dan bermastautin di Sabah sebagai seorang dari, Negeri Sabah.

Pemakaian
Perkara
161E bagi
Wilayah
Per-
sekutuan
Labuan.
Akta 155.

20. Pindaan-pindaan yang dinyatakan dalam Jadual berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah berkuatkuasa.

Pindaan-
pindaan
berbangkit
kepada
Per-
lembagaan.

BAHAGIAN III

PINDAAN-PINDAAN LAIN KEPADA PERLEMBAGAAN

21. Perkara 54 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 54.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Fasal (2) dan (3)” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “Fasal (3)”; dan

(b) dengan memotong Fasal (2).

22. Perkara 55 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 55.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri Sabah dan Sarawak” dalam Fasal (4); dan

(b) dengan menambah selepas sahaja Fasal (4), Fasal baru (5), (6) dan (7) yang berikut :

“(5) Sesuatu Rang Undang-Undang yang belum selesai dibahas dalam Parlimen tidaklah terluput disebabkan pemprorogan Parlimen.

(6) Sesuatu Rang Undang-Undang yang menantikan pertimbangan semula oleh Parlimen menurut Fasal (4A) Perkara 46 tidaklah terluput disebabkan pemprorogan atau pembubaran Parlimen.

(7) Sesuatu Rang Undang-Undang yang menantikan persetujuan Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4) (a) atau Fasal (4A) Perkara 66 tidaklah terluput disebabkan pemprorogan dan pembubaran Parlimen.”.

Pindaan
perkara 86.

23. Perkara 86 Perlembagaan adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja Fasal (5), Fasal baru (6) yang berikut:

“(6) Peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tanah atau kepentingan mengenai tanah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan bagaimana caranya sekalipun diletakhak pada Persekutuan, dan Persekutuan boleh melupuskan tanah atau kepentingan itu.”.

Pindaan
Perkara 89.

24. (1) Perkara 89 Perlembagaan adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja Fasal (7), Fasal baru (8) yang berikut:

“(8) Peruntukan-peruntukan Perkara ini terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sama caranya seperti ianya terpakai bagi sesuatu Negeri, dikecualikan bahawa Fasal (1) dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah diubahsuai supaya berbunyi yang mana-mana tanah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum sahaja Hari Merdeka adalah tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang yang ada bolehlah diteruskan sebagai tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya melalui Akta Parlimen yang diluluskan dengan kelebihan suara jumlah bilangan ahli setiap Majlis Parlimen dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi dalam setiap Majlis Parlimen itu.”.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974.

25. Perkara 113 Perlembagaan adalah dipinda—**Pindaan
Perkara 113.**

(a) dengan menggantikan Fasal (2) dengan Fasal baru (2) yang berikut :

“(2) (i) Tertakluk kepada perenggan (ii), Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah, dari semasa ke semasa, sebagaimana difikirkannya perlu, mengulangkaji pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana difikirkannya perlu supaya mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas; dan ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya itu bagi maksud pilihanraya ke Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya ke Dewan Rakyat.

(ii) Maka hendaklah ada lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun antara tarikh siapnya satu-satu ulangkajian dengan tarikh bermulanya ulangkajian yang kemudiannya, di bawah Fasal ini.

(iii) Ulangkajian di bawah perenggan (i) hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak lebih daripada dua tahun dari tarikh bermulanya ulangkajian itu.”;

(b) dengan memasukkan selepas Fasal (3), Fasal baru (3A) yang berikut :

“(3A) (i) Jika bilangan ahli dipilih Dewan Rakyat diubah berikutan dengan apa-apa pindaan kepada Perkara 46, atau bilangan ahli dipilih Dewan Undangan sesuatu Negeri diubah berikutan dengan suatu undang-undang dikanunkan oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menjalankan ulangkajian untuk membahagi-bahagikan kawasan yang terjejas dengan pengubahan itu kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan atau Negeri, mengikut mana yang berkenaan, dan ulangkajian itu hendaklah disiapkan dalam

tempoh tidak lebih dari dua tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya undang-undang yang membuat perubahan itu.

(ii) Ulangkajian di bawah perenggan (i) tidaklah menjejaskan lat tempoh yang diperuntukkan di bawah perenggan (ii) Fasal (2) berkenaan dengan ulangkajian di bawah perenggan (i) Fasal itu.

(iii) Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga Belas terpakai bagi ulangkajian di bawah Fasal ini, tetapi tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya Pilihanraya.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas Fasal (8), Fasal baru (9) dan (10) yang berikut :

“(9) Tarikh bermula ulangkajian di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah tarikh tersiarnya dalam *Warta* akan notis yang tersebut dalam seksyen 4 Jadual Ketiga Belas.

(10) Tarikh siapnya ulangkajian di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah tarikh laporan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8 Jadual Ketiga Belas, dan notis mengenai tarikh itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* oleh Suruhanjaya Pilihanraya.”.

Pindaan
Perkara 140.

26. Perkara 140 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “pegawai-pegawai pasukan polis” dalam perenggan (b) Fasal (6) perkataan-perkataan “atau suatu jawatan-kuasa yang terdiri dari anggota-anggota Suruhanjaya dan pasukan itu”.

Pindaan
Jadual
Kelapan.

27. Seksyen 9 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri Sabah dan Sarawak” dalam subseksyen (4);

- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau dalam hal tiap-tiap satu Dewan Undangan bagi tiap-tiap satu Negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh sembilan puluh hari” dalam subseksyen (5); dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “disahkan berlaku” dalam subseksyen (5) perkataan-perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihanraya”.

28. Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam Perlembagaan, ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan yang sedang berlangsung semasa Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah disediakan dalam tempoh tidak lebih dari dua tahun dari tarikh tersiarnya dalam *Warta* akan notis di bawah seksyen 4 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan berkenaan dengan ulangkajian itu.

Peruntukan peralihan berkenaan dengan ulangkajian semasa.

JADUAL

(Seksyen 20)

PINDAAN-PINDAAN BERBANGKIT KEPADA PERLEMBAGAAN

Perkara	Pindaan
3 ...	Gantikan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan” dalam Fasal (5) dengan perkataan-perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan”.
11 ...	Gantikan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan” dalam Fasal (4) dengan perkataan-perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan”.
97 ...	Gantikan perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan” dalam Fasal (3) dengan perkataan-perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan”.

Jadual Kesembilan (1) Dalam Senarai Persekutuan—

(a) gantikan butiran 6 (e) dengan yang berikut:

“(e) Kerajaan dan pentadbiran Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan termasuk hukum Syarak di dalamnya setakat yang sama seperti yang diperuntukkan dalam butiran 1 dalam Senarai Negeri dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, undang-undang dan adat anak watan setakat yang sama seperti yang

Perkara

Pindaan

diperuntukkan dalam butiran 13 bagi Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak"; dan

(b) dalam butiran 27 masukkan selepas perkataan-perkataan "Senarai Negeri" perkataan-perkataan "dan dalam hal Wilayah Persekutuan Labuan, perkara-perkara yang disenaraikan dalam butiran 15, 16 dan 17 bagi Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak".

(2) Dalam Senarai Negeri dalam butiran 1, 2, 3, 4 dan 5, gantikan perkataan-perkataan "Wilayah Persekutuan" dengan perkataan-perkataan "Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan".

Jadual Ketigabelas

Gantikan perkataan-perkataan "Wilayah Persekutuan hendaklah dikira sebagai suatu Negeri." dalam seksyen 3A dengan perkataan-perkataan "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah masing-masing dikira sebagai suatu Negeri.".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk pengubahan sempadan-sempadan Negeri Sabah, dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN I RANG UNDANG-UNDANG

2. Pada dasarnya telahpun dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah supaya sempadan-sempadan Negeri Sabah diubah dan bahawa kawasan yang akan terhenti daripada menjadi sebahagian daripada Negeri Sabah itu (kemudian daripada ini disebut "kawasan") akan ditubuhkan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan. Semenjak itu, menurut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri Sabah telah meluluskan suatu Enakmen memberi persetujuan, dan Majlis Raja-Raja telah mempersetujui, mengenai kelulusan suatu undang-undang persekutuan bagi mengubah sempadan-sempadan Negeri tersebut. *Fasal 2* bertujuan melaksanakan pengubahan sempadan-sempadan tersebut itu.

3. *Fasal 2* juga bertujuan menubuhkan Wilayah Persekutuan Labuan dan peruntukan-peruntukan lain dalam Bahagian I Rang Undang-Undang adalah peruntukan-peruntukan perlu dan berbangkit yang timbul dari pengubahan sempadan-sempadan Negeri Sabah dan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan.

4. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi mengakhiri kedaulatan Negeri Sabah dan segala kuasa dan bidang kuasa Yang Dipertua Negeri dan Dewan Undangan Negeri Sabah ke atas kawasan tersebut dan *fasal 4* bertujuan mengadakan peruntukan bagi Persekutuan menjalankan kedaulatan, segala kuasa dan bidang kuasa ke atas kawasan itu apabila ianya ditubuhkan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan.

5. *Fasal 5* bertujuan mengadakan peruntukan bagi semua harta di dalam kawasan itu yang terletak pada Negeri Sabah supaya diletakhakkan kepada Persekutuan pada hari Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan; dan ianya juga bertujuan mengadakan peruntukan supaya hakmilik-hakmilik mengenai harta dan kepentingan mengenai tanah, hak melombong dan hak hutan akan terus dipegang dari Persekutuan atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti ianya dipegang dari Negeri Sabah.

6. *Fasal 6* bertujuan membolehkan segala undang-undang bertulis, sama ada undang-undang Negeri atau persekutuan, yang berkuatkuasa dalam kawasan itu supaya terus berkuatkuasa dalam Wilayah Persekutuan Labuan dengan tertakluk kepada perubahan tentang bidang kuasa dan kedaulatan. *Fasal* ini juga bertujuan memperuntukkan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi di bawah undang-undang itu supaya dijalankan oleh pihak berkuasa persekutuan dan juga bertujuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat ubahsuaian-ubahsuaian kepada undang-undang itu bagi maksud menghapuskan kesulitan-kesulitan atau akibat dari kelulusan Rang Undang-Undang ini.

7. Terdapat beberapa undang-undang persekutuan yang tidak berkuatkuasa di Sabah dan oleh yang demikian tidak berkuatkuasa di kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Labuan. *Fasal 7* bertujuan memperuntukkan bahawa dengan pengubahan status pada kawasan itu, mana-mana undang-undang persekutuan yang hanya berkuatkuasa di Malaysia Barat atau mana-mana bahagiannya boleh diperluaskan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

8. *Fasal 8* bertujuan memperuntukkan supaya perbandaran Labuan akan terus menjadi suatu perbandaran dalam Wilayah Persekutuan dan supaya status "pelabuhan bebas" bagi kawasan itu akan diteruskan setelah kawasan itu menjadi Wilayah Persekutuan.

9. *Fasal 9* dan *10* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pewarisan oleh Persekutuan akan hak, liabiliti dan kewajipan termasuk pewarisan mengenai prosiding sivil bagi Negeri Sabah.

BAHAGIAN II RANG UNDANG-UNDANG

10. Bahagian II Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan yang perlu bagi beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan untuk mengubahsuaikan beberapa peruntukan lain dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

11. *Fasal 11* bertujuan meminda Fasal (4) Perkara 1 supaya Wilayah Persekutuan Labuan dikeluarkan daripada Negeri Sabah dan menjadi suatu wilayah dalam Persekutuan.

12. *Fasal 12* bertujuan meminda Perkara 42 berhubungan dengan kuasa-kuasa pengampunan, reprimand dan respite supaya Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan kuasa-kuasa itu dalam Wilayah Persekutuan Labuan. Ianya juga bertujuan menubuhkan hanya satu Lembaga Pengampunan bagi kedua-dua Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

13. *Fasal 13* bertujuan meminda Perkara 45 untuk mengadakan peruntukan bagi melantik seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Labuan oleh Yang di-Pertuan Agong dan *fasal 14* bertujuan meminda Perkara 46 bagi mengadakan peruntukan mengenai pengundutan seorang ahli yang dipilih dari Wilayah Persekutuan yang tersebut itu untuk menganggotai Dewan Rakyat.

14. *Fasal 15* bertujuan meminda Perkara 113 supaya Wilayah Persekutuan Labuan akan termasuk di dalam unit ulangkaji bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan tidak dalam unit ulangkaji bagi Sabah.

Fasal 15 juga bertujuan memperuntukkan supaya ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan yang ada sekarang akan terus mengekalkan kerusi mereka walaupun selepas bahagian-bahagian pilihanraya mereka masing-masing telah menjadi lebih kecil dengan terkeluarnya Wilayah Persekutuan itu daripada bahagian-bahagian pilihanraya tersebut. Kini Suruhanjaya Pilihanraya sedang mengulangkaji mengenai pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri (kecuali Sarawak) kepada bahagian-bahagian pilihanraya. *Fasal 15* juga memperuntukkan supaya ulangkaji itu mengambil kira mengenai fakta bahawa akan terdapat satu bahagian pilihanraya persekutuan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan supaya bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri yang ada sekarang diteruskan dalam Negeri Sabah selepas tertubuhnya Wilayah Persekutuan Labuan dan supaya membuat segala perubahan yang perlu dalam persempadanan kedua-dua bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri dalam Negeri Sabah.

15. *Fasal 16, 17, 18 dan 19* bertujuan mengubahsuaikan pemakaian peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang tertentu dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

16. *Fasal 16* bertujuan mengubahsuaikan pemakaian Perkara 121 supaya kuasa kehakiman Mahkamah Tinggi di Borneo, untuk kemudahan geografis, akan juga meliputi Wilayah Persekutuan Labuan hingga ke suatu masa sebagaimana ditentukan selainnya oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal ini juga bertujuan mengubahsuaikan pemakaian Perkara 161B untuk membolehkan orang-orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan mahkamah-mahkamah di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan di Negeri Sabah supaya dapat menjalankan amalan di hadapan Mahkamah Tinggi di Tanah Melayu atau di Borneo,

atau di hadapan Mahkamah Persekutuan, di mana juga ia ber-sidang dalam mana-mana bahagian Persekutuan, dalam sesuatu prosiding berhubungan dengan sesuatu perkara yang berbangkit dalam Wilayah Persekutuan.

17. Apabila tertubuhnya Wilayah Persekutuan Labuan, mahkamah-mahkamah bumiputera akan terus wujud menurut *fasal 6*. *Fasal 17*, dengan mengubahsuai pemakaian *Fasal (5) Perkara 161*, bertujuan mengekalkan penggunaan bahasa-bahasa bumiputera yang kini digunakan dalam mahkamah bumiputera atau bagi apa-apa undang-undang dan adat istiadat bumiputera dalam Wilayah Persekutuan Labuan. "Bumiputera" berhubungan dengan Sabah adalah ditakrifkan dalam *Fasal (6) Perkara 161A*. *Fasal 18* bertujuan mengekalkan status bumiputera dalam Wilayah Persekutuan Labuan dengan menganggap sebutan mengenai Negeri Sabah dalam *Fasal (6)* tersebut sebagai termasuk sebutan mengenai Wilayah Persekutuan itu. *Fasal 18* juga bertujuan mengambil ketahu mengenai *Fasal (5) Perkara 161A* yang terpakai bagi Sabah dan membenarkan undang-undang persekutuan membuat perizaban mengenai tanah bagi bumiputera-bumiputera dalam Wilayah Persekutuan itu atau bagi memberimilikan kepada mereka atau memberi kepada mereka layanan keutamaan berkenaan dengan pemberimilikan tanah dalam Wilayah Persekutuan itu.

18. *Fasal 19*, berhubungan dengan *Perkara 161E*, bertujuan mengekalkan hak kemasukan dan pemastautinan di dalam Sabah dengan tidak memerlukan dokumen perjalanan yang pada masa ini diberi kepada orang-orang di dalam kawasan tersebut apabila ianya menjadi Wilayah Persekutuan Labuan.

19. *Fasal 20* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit bagi beberapa Perkara dalam Perlembagaan.

BAHAGIAN III RANG UNDANG-UNDANG

20. Bahagian ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu yang lain kepada Perlembagaan. Satu dari pindaan-pindaan itu ialah mengenai tempohnya untuk mengisikan suatu kekosongan dalam Dewan Negara dan suatu kekosongan luarjangka dalam Dewan Rakyat. Sebelum pindaan ini, tempohnya ialah enam puluh hari di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri Sabah dan Sarawak, mulai dari tarikh ianya disahkan berlaku oleh Suruhanjaya Pilihanraya bahawa ada terdapat sesuatu kekosongan atau kekosongan luarjangka. Pindaan-pindaan dalam *fasal 21* bertujuan mensekukan tempoh enam puluh hari itu ke seluruh negeri. *Fasal 22 (a)* bertujuan meminda *Fasal (4) Perkara 55* bagi memperuntukkan supaya suatu tempoh yang seragam selama enam puluh hari dipakai bagi keseluruhan negeri bagi sesuatu pilihanraya umum. Peruntukan yang serupa itu ada dibuat dalam *fasal 27* berkenaan dengan kekosongan luarjangka yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri dan pilihanraya umum bagi Dewan Undangan tersebut.

21. *Fasal 22 (b)* bertujuan membuat peruntukan mengenai kedudukan Rang Undang-Undang yang belum selesai dibahas dalam salah satu Majlis Parlimen atau sementara menantikan tanda persetujuan oleh Yang di-Pertuan Agong sebaik sahaja Parlimen diprorog atau dibubarkan.

22. *Fasal 23* bertujuan memperuntukkan bahawa Perkara 86 Perlembagaan tidak terpakai bagi mana-mana tanah atau mana-mana kepentingan mengenai tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau di Wilayah Persekutuan Labuan bagaimana sekalipun terletak pada Persekutuan.

23. Pindaan kepada Perkara 89 Perlembagaan dalam *fasal 24* bertujuan untuk memperjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan Perkara itu terpakai bagi tanah rizab orang Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bahawa perundangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkenaan dengan tanah rizab orang Melayu itu hendaklah sama kedudukannya dengan perundangan mengenai tanah seperti itu di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Pindaan ini hendak dikuatkuasakan pada tarikh tertubuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

24. *Fasal 25 (a)* bertujuan menggantikan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan dengan Fasal baru (2) yang bertujuan membuat peruntukan supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengulangkaji, dari semasa ke semasa, sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya, untuk membahagi-bahagikan kawasan Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya supaya menepati dengan peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan; ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya bagi pemilih-pemilih ke Dewan-Dewan Undangan Negeri hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya bagi pemilih-pemilih ke Dewan Rakyat.

Ulangkajian di bawah Fasal ini mestilah dijalankan pada lat-lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun antara tarikh siapnya satu ulangkajian dengan tarikh berjalannya ulangkajian kemudiannya, di bawah Fasal ini. Sebaik sahaja ulangkajian itu bermula ianya hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak lebih daripada dua tahun dari tarikh ianya bermula.

25. *Fasal 25 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan Fasal baru (3A) dalam Perkara 113 Perlembagaan. Fasal baru ini bertujuan mewajibkan Suruhanjaya Pilihanraya supaya menjalankan ulangkajian bila-bila masa sahaja Perkara 46 Perlembagaan dipinda untuk mengubah bilangan ahli-ahli dipilih bagi Dewan Rakyat, atau bila-bila masa sahaja suatu undang-undang yang dikanunkan oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri mengubah bilangan ahli-ahli dipilih bagi Dewan Undangan sesuatu Negeri. Bagaimanapun, sesuatu ulangkajian itu hendaklah dijalankan hanya berkenaan dengan pembahagian kawasan yang terjejas

dengan pengubahan sahaja dan hanya berkenaan dengan pembahagiannya kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan atau Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Ulangkajian di bawah Fasal ini mestilah disiapkan dalam tempoh tidak lebih dari dua tahun mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya undang-undang yang membuat pengubahan itu.

Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan adalah terpakai bagi ulangkajian seperti itu, tetapi pemakaiannya adalah tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian kepadanya sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Ia juga bertujuan memperuntukkan bahawa sesuatu ulangkajian di bawah Fasal baru (3A) tidaklah menjejaskan kehendak lat tempoh schabis kurang selama lapan tahun antara mana-mana dua ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 yang hendak digantikan melalui *fasal 25 (a)* Rang Undang-Undang ini.

26. *Fasal 25 (c)* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menambah Fasal baru (9) dan (10) kepada Perkara 113. Fasal baru (9) bertujuan memperuntukkan bahawa tarikh bermulanya ulangkajian di bawah Fasal (2) atau (3A) Perkara 113, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah tarikh tersiarnya dalam *Warta* akan notis tentang syor-syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang tersebut dalam seksyen 4 Jadual Ketiga Belas. Fasal baru (10) itu juga bertujuan memperuntukkan bahawa tarikh siapnya ulangkajian di bawah Fasal (2) atau (3A) Perkara 113, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah tarikh laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan. Fasal ini juga berkehendakkan supaya notis mengenai tarikh itu disiarkan dalam *Warta* oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

27. Selain dari peruntukan-peruntukan yang ada mengenai perwakilan, *fasal 26* bertujuan untuk membolehkan Suruhanjaya Pasukan Polis juga membuat peruntukan mengenai perwakilan kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan kepada suatu jawatankuasa yang terdiri dari anggota-anggota Suruhanjaya dan pasukan polis.

28. *Fasal 28* Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa, walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Perlembagaan, ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan yang sedang berlangsung pada masa mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disiapkan dalam tempoh lebih dari dua tahun dari tarikh Suruhanjaya Pilihanraya menyiarkan dalam *Warta* akan notis tentang syor-syornya yang dicadangkan di bawah seksyen 4 Jadual Ketiga Belas berkenaan dengan ulangkajian itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya pada masa ini tidak dapat ditentukan.

[PN. (U2) 1270.]